

PEMIKIRAN BAHARU

Utusan Malaysia

PAC akhirnya bersidang



WONG KAH WOH

Oleh MOHD. FADHLI MOHD. SULAIMAN | 2 Julai 2021, 5:04 pm

PETALING JAYA: Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) akan memanggil semua ahlinya bersidang di Parlimen pada 26 Julai ini.

Penaerusi PAC, Wong Kah Woh berkata, surat pemakluman tarikh mesyuarat PAC

<https://www.utusan.com.my/terkini/2021/07/pac-akhirnya-bersidang/>

Parlimen sudah dihantar kepada Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Datuk Azhar Azizan Harun hari ini.

"Mesyuarat ini adakan diadakan secara fizikal membabitkan semua ahli PAC serta ahli ex-officio jawatan kuasa ini bagi membincangkan jadual mesyuarat PAC akan datang, kes-kes tertangguh dan mengemas kini jadual mesyuarat.

"Bagaimanapun, jawatan kuasa ini terbuka untuk mengadakan mesyuarat ini secara hibrid sekiranya tidak melanggar mana-mana Peraturan Mesyuarat Majlis Dewan Rakyat," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Mei lalu, Utusan Malaysia melaporkan PAC lumpuh dan tidak dapat menjalankan fungsi sebagai semak dan imbang dalam meneliti perbelanjaan kerajaan dengan lima laporan maklum balas kementerian gagal dibentangkan di Parlimen.

Laporan makluman balas tersebut merangkumi pembentangan Laporan Sekolah Sukan Malaysia Perlis (Kementerian Pendidikan), Laporan Projek Sistem Kutipan Caj Jalan (RC) dan Rekod Kemasukan Kenderaan Asing (VEP) (Kementerian Pengangkutan) dan Laporan Penjualan Tanah Milik Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (Kementerian Wilayah Persekutuan).

Antara lain, Laporan Aktiviti Kawalan Pekerja Asing di bawah Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Laporan PAC Parlimen Ke-14 berhubung Pengurusan Educational Malaysia Global Services (EMGS) oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) tidak dapat dibentangkan maklum balas berikut penggantungan Parlimen selaras di bawah Ordinan

Darurat Kuasa-Kuasa Perlu 2021.

Ahli Parlimen Ipoh Timur itu berkata, sebanyak 15 mesyuarat PAC bagi tahun ini melibatkan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Kementerian Kewangan dan beberapa agensi kerajaan tertangguh kecuali Kementerian Kesihatan (KKM) dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) yang statusnya masih berjalan.

Prosiding terakhir PAC adalah pada 5 Januari 2021 berhubung perolehan vaksin Covid-19 manakala prosiding lain terpaksa ditangguh.

Terdahulu, kerajaan meluluskan undang-undang untuk menggunakan dana RM5 bilion daripada dana KWAN untuk perolehan vaksin dan perbelanjaan berkaitan Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan. – UTUSAN ONLINE

BERITA SELANJUTNYA

by



Provokasi melampau, 18 pekebun durian Musan...



Inilah Cara Menjana Wang dengan Bitcoin



Tolong faham, bukan menyesal jadi Islam –...



This Bitcoin App Earns Him RM451,857 /mo



Wanita pengsan selepas kena sebat 100 kali...



Tindakan tukar kerajaan tak wajar -Lajim Ukin



Notis 28 hari bukan



Sasar 610,100 penduduk



Penduduk berebut

POPULAR



Tak mudah nak ‘makan’ Denmark

5 Julai 2021, 10:30 am



Ukraine dikritik arah tentera wanita berkawad pakai kasut tumit tinggi

5 Julai 2021, 10:30 am



Tak boleh bersuara eh? Artis juga rakyat Malaysia! – Michael Ang

5 Julai 2021, 10:30 am



Kontrak kurang, kontraktor bertambah

5 Julai 2021, 10:10 am

Memandu mabuk, Lizzy dibicarakan

Raducanu terus lakar kejutan di Wimbledon

Ga In kantoi, ambil dadah kerana depresi

Doakan kami cepat dihalalkan – Sweet Qismina

Melancong secara maya depan komputer, skrin di rumah

45 maut dalam nahas pesawat tentera Filipina

BERITA BERKAITAN



Ukraine dikritik arah tentera wanita berkawad pakai kasut tumit tinggi

5 Julai 2021, 10:30 am



Tak boleh bersuara eh? Artis juga rakyat Malaysia! – Michael Ang

5 Julai 2021, 10:30 am

<https://www.utusan.com.my/terkini/2021/07/pac-akhirnya-bersidang/>



Kontrak kurang, kontraktor bertambah

5 Julai 2021, 10:10 am



Pemulih bantu PMKS hingga hujung tahun

5 Julai 2021, 10:07 am

PREMIUM

LANGGANAN

Hak cipta terpelihara © 2021 Media Mulia Sdn. Bhd.

Terma dan Syarat
Hubungi Kami